

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN MANIVANAN A/L  
GOWINDASAMY [ KAPAR ]**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ] minta MENTERI  
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:**

- a) Jumlah peserta dalam Program MM2H yang giat dipromosikan sejak tahun 2002 setakat 30 September 2014 ini, dengan pecahan mengikut warganegara peserta-peserta tersebut; dan
- b) negeri-negeri dalam Malaysia yang paling popular dipilih untuk program Malaysia Rumah Kedua Ku dan juga menyatakan jumlah pelaburan asing yang diterima menerusi program tersebut mengikut pecahan setiap negeri.

**JAWAPAN :      DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak Program Malaysia My Second Home (MM2H) dilancarkan pada tahun 2002 sehingga Ogos 2014 (data terkini), seramai 26,162 orang warganegara asing dari 123 buah negara telah diluluskan untuk tinggal secara jangka panjang atau "long-stay" di Malaysia. Daripada jumlah ini, 10 buah negara asal dengan bilangan peserta teramai adalah dari negara China (5,929), diikuti Jepun (3,434), Bangladesh (2,933), United Kingdom (2,143), Iran (1,303), Singapura (1,090), Taiwan (1,017), Pakistan (896), Korea Selatan (872), dan India (762).

Tuan Yang di-Pertua,

Negeri-negeri dalam Malaysia yang paling menjadi pilihan peserta MM2H adalah Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor.

Bagi tempoh 1 Januari 2007 hingga 31 Ogos 2014, Kementerian ini telah meluluskan sebanyak 2,529 permohonan daripada peserta MM2H untuk membeli hartanah kediaman yang melibatkan nilai pelaburan sebanyak RM2,536.22 juta.

Sekian, terima kasih.